



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PELAJARAN (G.13)  
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PELAJARAN**

**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**G.13 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)**


**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Information and Communication Technology (ICT)* atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.  
Bagi yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan adalah dikehendaki untuk menjalani latihan dalam bidang Pendidikan / Perguruan bagi mendapatkan seperti kursus Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan dalam tempoh 3 tahun mulai dari tarikh dilantik jawatan ini.
3. Berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang yang dikehendaki oleh jawatan dari segi teori dan amali adalah kelebihan.
4. Berkebolehan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menjadi tenaga pengajar bagi mata pelajaran *Information and Communication Technology (ICT)*;
2. Menjadi tenaga pengajar sepenuh masa di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB);
3. Mengurus dan mentadbir kelas atau bilik darjah;
4. Mengurus pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kandungan pelajaran dan kaedah yang dirancang dan diteliti bersesuaian mengikut keperluan individu pelajar;
5. Mengurus dan menjaga hal ehwal pelajar dan aktiviti pelajar;



6. Memastikan mencapai piawaian profesional dalam Standard Guru Brunei (*Brunei Teacher Standard*) yang boleh membimbing *professional learning practice and engagement* dalam mencapai tahap seorang guru yang berkualiti;
7. Bersedia untuk menghadiri bengkel atau yang seumpamanya;
8. Bersedia untuk dilantik sebagai Jawatankuasa atau ahli program / aktiviti Institut;
9. Bersedia untuk memberikan bengkel / seminar (jika diperlukan) berdasarkan kepakaran, kemahiran dan minat masing-masing; dan
10. Menerima arahan daripada Pengetua / Ketua Jabatan dan pegawai atasan dari semasa ke semasa.